




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **63 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,916 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 43 menjadikan jumlah kumulatif 54,034 orang. Seramai 466 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 185 orang di hospital dan 258 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 25 orang dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan beubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 13 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Hampir semua kes baharu berpunca daripada kegagalan masyarakat mematuhi SOP yang ditetapkan. Justeru, Kerajaan Negeri mengingatkan rakyat agar sentiasa membudayakan norma baharu dan sentiasa mengekalkan penjarakan fizikal serta pemakaian pelitup muka.

- 6 Di samping itu, pemilik premis juga harus proaktif untuk memastikan pematuhan dalam kalangan individu yang masuk ke premis mereka.
- 7 Terdapat tiga (3) kluster baharu direkodkan hari ini.
- i **Kluster Pasaraya Simpang Empat** di Kunak mencatatkan dua (2) kes positif COVID-19 hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Kes indeks merupakan seorang pekerja pasaraya yang dikesan positif COVID-19 melalui saringan bergejala di sebuah pusat perubatan pada 26 Mac 2021. Hasil saringan kontak rapat dan tempat kerja pada 27 Mac hingga 29 Mac 2021 mendapati 10 lagi pekerja disahkan positif.
  - ii **Kluster Kalindukan** di Nabawan mencatatkan tiga (3) kes baharu hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 13 kes. Kes indeks dikesan positif melalui saringan pengiring pesakit di pusat perubatan pada 25 Mac 2021. Kes indeks dipercayai mendapat jangkitan selepas menghadiri majlis perkahwinan di Kg Kalindukan, Nabawan. Daripada 149 kontak rapat yang disaring, 12 orang disahkan positif.
  - iii **Kluster Banjaran Gading** di Kota Kinabalu mula dikesan pada 31 Mac 2021 apabila kes indeks menjalani saringan bergejala di sebuah pusat perubatan. Daripada 16 kontak rapat yang disaring, lapan (8) disahkan positif COVID-19, sementara lima (5) lagi negatif dan tiga (3) sampel masih belum diketahui keputusannya. Setakat ini, jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah lapan (8) kes. Hasil penelitian, jangkitan dipercayai berpunca daripada kegagalan mematuhi SOP yang ditetapkan.
- 8 Daripada 63 kes positif COVID -19, sebanyak 18 kes (28.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 12 kes (19.1%) saringan bergejala, 28 kes (44.4%) dari kluster sedia ada serta lima (5) kes (7.9%) dari lain-lain kategori.

- 9 Jumlah kapasiti katil 3,940 unit
- Hospital 542 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,978 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 11.83%.

**B PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI DAERAH TAWAU**

- 1 Sehingga kini, secara kumulatif sebanyak 137 kes aktif telah dilaporkan yang melibatkan beberapa kluster di daerah ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 2 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di daerah Tawau, bermula 3 April sehingga 16 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 3 Pelaksanaan PKP ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar di lokaliti kes positif serta mengawal pergerakan penduduk di daerah ini dan mengekang penularan jangkitan dalam komuniti.

**C PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PERUMAHAN KILANG SUNGAI TENEGANG, KINABATANGAN.**

- 1 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak dalam tempoh satu minggu dengan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti adalah tinggi.
- 2 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Perumahan Kilang Sungai Tenegang, Kinabatangan, Sabah bermula 3 April sehingga 16 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 3 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes-kes disyaki COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin serta mengawal penularan jangkitan dalam komuniti.

**D PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG RANGGU BATU 10, FASA 2 TAMAN SEMARAK DAN KG BARU PASIR PUTIH, TAWAU.**

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Ranggu Batu 10, Fasa 2 Taman Semarak dan Kg Baru Pasir Putih, Tawau adalah seperti di **Lampiran A**.

**E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini, seramai **14** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,374** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **1,917** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **21,300** orang.

**F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sejumlah **293,346** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 30 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,718 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 11 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dan dibuat.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 94 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 379 lokasi melibatkan seramai 165 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 109 anggota RELA di 120 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Sandakan dan Keningau.
- 6 Sejumlah 48 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Tenom	98%
4	Penampang	97.5%
5	Beaufort	97.5%
6	Kudat	97.5%
7	Papar	97.5%
8	Kota Marudu	97.5%
9	Sandakan	97%
10	Kunak	97%
11	Kota Kinabalu	97%
12	Lahad Datu	97%
13	Beluran	97%
14	Tuaran	97%
15	Ranau	97%
16	Kinabatangan	96.5%
17	Kota Belud	96.5%
18	Keningau	96%
19	Tawau	95.5%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**2 APRIL 2021**

## LAMPIRAN A

Dikemaskini pada 1 April 2021

**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG RANGGU BATU 10, FASA 2 TAMAN SEMARAK DAN KG BARU PASIR PUTIH, TAWAU, SABAH.**

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<b>Aktiviti tidak dibenarkan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM &amp; urusan/ aktiviti dibenarkan.</li> <li>Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM &amp; urusan/ aktiviti dibenarkan.</li> </ul>						
<b>Arahan tetap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Subseksyen 11 (3) Akta 342</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.</li> <li>Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaruh Kesihatan.</li> </ul>						

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	i. Kg. Ranggu Batu 10, Tawau, Sabah. ii. Fasa 2 Taman Semarak, Tawau, Sabah. iii. Kg. Baru Pasir Putih, Tawau, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	1 April 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 14 April 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM &amp; RELA.</li> <li>Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.</li> </ul>

1

Dikemaskini pada 1 April 2021

**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG RANGGU BATU 10, FASA 2 TAMAN SEMARAK DAN KG BARU PASIR PUTIH, TAWAU**

Aktiviti dibenarkan	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<b>Aktiviti tidak dibenarkan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM &amp; urusan/ aktiviti dibenarkan.</li> <li>Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM &amp; urusan/ aktiviti dibenarkan.</li> </ul>						
<b>Arahan tetap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Subseksyen 11 (3) Akta 342</li> <li>Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.</li> <li>Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.</li> <li>Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengaruh Kesihatan.</li> </ul>						

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seumur penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.</li> <li>Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.</li> <li>Seumur sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:</li> </ul>									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Premis Perniagaan</th> <th>Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

\*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG RANGGU BATU 10, FASA 2 TAMAN SEMARAK DAN KG BARU PASIR PUTIH, TAWAU

Dikemaskini pada 1 April 2021

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	--	---------------------	-----------------------------

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM</b> untuk <b>seorang (1)</b> wakil dari setiap rumah untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<ul style="list-style-type: none"><li>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan</li><li>b) membeli keperluan asas.</li></ul></li><li>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.</li><li>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.</li><li>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.</li><li>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.</li><li>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.</li><li>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.</li></ul>